



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

KEJOHANAN SIRKIT GOLF PIALA SULTAN PAHANG 2026 EDISI KEDUA MENINGKATKAN KECEMERLANGAN GOLF AMATUR NEGERI PAHANG

Genting Highlands, 7 Mei 2026 – Kejohanan Sirkuit Golf Piala Sultan Pahang 2026 yang sangat dinanti-nantikan bakal dilancarkan secara rasmi pada Jun depan, menjanjikan siri persaingan elit yang mendebarkan di gelanggang-gelanggang golf ternama negeri ini. Kejohanan ini dianjurkan di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Sultan Pahang.

Dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa yang di lantik dengan kerjasama Majlis Sukan Pahang Dan Kerajaan Negeri Pahang, sirkuit 2026 ini bertujuan mencungkil bakat-bakat baharu golf di samping mempromosikan sukan pelancongan dan semangat persaudaraan dalam kalangan pemain golf di negeri Pahang.

Jadual & Lokasi Kejohanan:

- Siri 1: 27th Jun 2026 - Villea Rompin Golf Resorts, Rompin, Pahang
- Siri 2: 25th Julai 2026 - Royal Pekan Golf Club, Pekan, Pahang
- Siri 3: 29th Ogos 2026 - Royal Pahang Golf Club, Kuantan, Pahang
- Grand Finale: 5th September 2026 - Resorts World Awana, Genting, Pahang

Kategori & Hadiah:

Kejohanan ini menawarkan kategori Terbaik (Gross), Terbaik Medal A & B (Nett) dan Wanita. Hadiah menarik, piala, dan barangan lebih RM150,000 disediakan, termasuk Piala Cabaran Sultan Pahang yang berprestij.

Penyertaan:

Terbuka kepada pemain amatur dengan indeks handicap WHS yang sah. Terhad kepada 100 pemain lelaki dan 52 wanita untuk kesemua siri lokasi Padang golf. Yuran penyertaan bermula RM3000 untuk lelaki dan RM1500 untuk wanita.

Pelancaran Rasmi:

Majlis pelepasan rasmi akan disempurnakan oleh YANG AMAT MULIA TENGKU ARIF BENDAHARA, TENGKU MUHAMMAD ISKANDAR RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH pada 7 Mei 2026 di Resorts World Awana Genting. Wakil-wakil media dijemput hadir untuk membuat liputan.

"Piala Sultan Pahang bukan sekadar pertandingan, tetapi sukan berdisiplin, ketepatan, dan semangat kesukanan. Sirkuit 2026 ini menjanjikan kelas lebih tinggi dan penyertaan pemain golf tempatan serta mempromosikan lapangan Kelab golf di negeri Pahang sebagai destinasi pelancongan golf," -YB Dato Sri Shafik Fauzan, Pengerusi Kejohanan Piala Sultan Pahang 2026.

Untuk maklumat lanjut, sila ikuti platform media rasmi di Facebook: @PSP2026.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Dr. Rahiwan Nazar Romli

Media & Communications Community

Piala Sultan Pahang 2026

Tel: 019 331 9565

Email: ksgpsp2026@gmail.com

Mengenai Piala Sultan Pahang 2026

Sempena menjunjung kasih dan meraikan Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-67 Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang. Ahli Jawatankuasa Piala Sultan Pahang dengan penuh sukacitanya akan menganjurkan Kejohanan Golf Sirkuit Piala Sultan Pahang 2026.

Kejohanan ini merupakan penganjuran kali kedua selepas kejayaan pelaksanaannya pada tahun lalu, sekaligus mencerminkan komitmen berterusan dalam menjadikan sirkuit ini sebagai acara tahunan yang berprestij.

Kejohanan ini akan melibatkan empat lokasi utama iaitu Kelab Golf Diraja Pahang, Villea Rompin Resorts & Golf, Kelab Golf Diraja Pekan serta Resorts World Awana.

Penganjuran ini bukan sahaja bertujuan menyemarakkan semangat kesukanan dalam kalangan pemain golf, malah sebagai tanda penghormatan dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang atas kepimpinan dan naungan Baginda.

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.